

26 JUN 2000

Mahathir-Tebusan/I

PEMBEBASAN SEMUA TEBUSAN BERI KESAN BAIK KEPADA PERJUANGAN MILF

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata walaupun beliau gembira dengan pembebasan seorang rakyat Malaysia yang ditahan kumpulan bersenjata di Pulau Jolo, selatan Filipina, beliau amat berharap kumpulan itu akan membebaskan semua rakyat Malaysia dan warga negara lain yang masih ditahan.

Perdana Menteri berkata tindakan membebaskan kesemua mereka itu akan memberi kesan baik kepada perjuangan kumpulan itu, kerana jika tidak dunia akan mempunyai pandangan bahawa mereka merupakan kumpulan pengganas yang tidak mempunyai prinsip.

"Mereka telah mencapai, saya fikir, apa yang mereka ingin capai iaitu untuk mendapatkan perhatian terhadap perjuangan mereka," katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, dekat sini se kembalinya dari Mesir bagi menghadiri sidang kemuncak G15.

Beliau berkata jika kumpulan itu terus menahan mereka, perbuatan itu akan menjejaskan kepentingan kumpulan itu sendiri.

Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas pembebasan Zulkarnain Hashim, 29, kakitangan Jabatan Hidupan Liar Sabah yang telah diculik bersama-sama lapan lagi rakyat Malaysia dan 12 warga negara lain, dari Pulau Sipadan pada 23 April lepas. Mereka ditahan di pulau Jolo sejak itu.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu memaklumkan kepada Persidangan Pertubuhan Islam (OIC), yang dijadual mengadakan mesyuarat menteri-menteri luarnya di sini minggu ini, mengenai kejadian penculikan itu.

Ketika ditanya pendapat beliau tentang apa yang akan dilakukan oleh OIC untuk menyelesaikan perkara itu, Perdana Menteri berkata beliau belum tahu lagi.

Ditanya sama ada Malaysia akan meminta OIC memujuk dan memaksa kumpulan bersenjata itu membebaskan mereka yang ditahan itu, Perdana Menteri berkata: "Kita belum tahu lagi. Kita tidak mempunyai sebarang rancangan tertentu kecuali memaklumkan kepada OIC."

Mengenai dakwaan tuntutan baru kumpulan itu bagi mendapatkan wang tebusan, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

"Tetapi sebagai kerajaan kita tidak bayar wang tebusan," katanya.

-- BERNAMA

MNY/HS ZS RHM